

Lawatan PM ke China: 6 draf perjanjian disediakan

KUALA LUMPUR 28 Okt. — Tidak lebih daripada enam draf perjanjian, antaranya perjanjian perkapalan sedang disediakan menjelang lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, ke Republik Rakyat China akhir November ini.

Timbalan Menteri Luar, Encik Kadir Sheikh Fadzir berkata, buat masa ini terdapat serombongan pegawai dari Malaysia mengadakan perbincangan dengan pegawai - pegawai di negara tersebut untuk mengemaskinikan draf -

draf berkenaan.

Menjawab soalan tambahan Ketua Pembangkang, **Encik Lim Kit Siang**, (DAP — Kota Melaka), beliau berkata; kerja - kerja menyiapkan draf perjanjian sedang giat dijalankan.

Kepada soalan tambahan, **Wan Mohamad Najib Wan Mohamad** (BN - Pasir Putih) beliau memberitahu, Perdana Menteri juga berhasrat untuk menemui masyarakat Islam di sana tetapi harus berhati - hati supaya tidak nampak sebagai hendak campur tangan dalam hal ehwal negara tersebut.

Menjawab soalan **Encik Peter Chin Gan Oon**, (BN — Ipoh), beliau memberitahu, Malaysia akan menyatakan hasrat kepada pemimpin negara tersebut supaya pengusaha Malaysia diberi peluang yang sama untuk faedah bersama.

OM 29 OCT 1985